

# KEBERKESANAN APLIKASI YOUTUBE TERHADAP PENGAJIAN AGAMA DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI QURAN DAN SUNNAH USIM

Muhammad Nor Azery Bin Masrom<sup>1</sup>

Mohamad Bakri Bin Abdul Manaf<sup>2</sup>

Ikhwan Najmi Bin Samsul Rafzi<sup>3</sup>

Syed Najihuddin bin Syed Hassan

<sup>1</sup>Faculty of Quran and Sunnah Studies , Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [azerymasrom@raudah.usim.edu.my](mailto:azerymasrom@raudah.usim.edu.my) )

<sup>2</sup>Faculty of Quran and Sunnah Studies , Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [mohamadbakri08@raudah.usim.edu.my](mailto:mohamadbakri08@raudah.usim.edu.my) )

<sup>3</sup>Faculty of Quran and Sunnah Studies , Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: [ikhwanajmi@raudah.usim.edu.my](mailto:ikhwanajmi@raudah.usim.edu.my))

**Abstrak:** Era globalisasi, pembelajaran berasaskan teknologi & digital masa kini dilihat mampu memberi impak yang positif terhadap pencapaian pelajar di semua peringkat pengajian. Tidak dapat dinafikan dengan zaman sekarang yang sangat canggih & mudah untuk dapatkan maklumat agama merentasi sempadan iaitu dengan melalui Youtube sahaja. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan salah satu aplikasi video YouTube sebagai medium sumber rujukan mereka, terutama sekali tentang ilmu agama dalam kalangan pelajar FPQS di Usim. Kajian ini akan memaparkan penggunaan video dari Youtube sebagai media pembelajaran pengajian Agama Islam untuk meningkatkan kreativiti pelajar FPQS di Universiti Sains Islam Malaysia serta menambah wawasan bagi pelajar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes melalui pemerhatian, temu bual dan kajian dokumen. Hasil kajian ini menunjukkan video youtube tersebut dapat merangsang kreativiti, minat dan motivasi pelajar itu sendiri. Selain itu, melalui media ini, pengetahuan pelajar, penyediaan bahan pengajaran, pemilihan bahan dan kaedah penyampaian pelajar telah berkembang. Kesimpulannya, penggunaan video dari Youtube sebagai media secara tidak langsung meningkatkan minat belajar diantara mereka, dari segi pencarian idea dan bahan supaya pelajar tidak berasa bosan.

**Kata Kunci:** Keberkesanan, Aplikasi Youtube, Pengajian Agama, Ilmu Agama

## **Pengenalan**

Gema "Revolusi Industri 4.0" lebih kerap didengar dalam pelbagai forum. papan anjal. Perkembangan teknologi dan Internet telah menjadi satu keperluan yang akan datang manusia pada zaman ini. Selepas era digital, hari ini dunia bersiap sedia untuk memasukinya revolusi industri 4.0, yang mengambil keperluan manusia untuk internet dan menjadikannya hidup dalam dua dunia, dunia nyata dan dunia maya. Internet menjadi kunci utama manusia untuk berkomunikasi melalui teknologi digital. Komunikasi melalui Internet secara umum memiliki kelebihan dibanding media konvensional dengan kemampuannya untuk menghadirkan pertukaran informasi yang lebih interaktif. Inilah inti yang mengubah masyarakat mengubah cara berkomunikasi maupun memberikan informasi.

Apabila teknologi berkembang internet muncul sebagai tapak YouTube media perkongsian video untuk disebarkan pelbagai maklumat dan hiburan. Youtube boleh ditafsirkan sebagai media baharu dengan internet sebagai cara untuk mengaksesnya. Revolusi Perindustrian 4.0 yang memberi kesan pendigitalan dalam pelbagai aspek kehidupan ubah cara dan gaya menyampaikan mesej dan menerima mesej pendakwah dan cara belajar pelajar dan juga guru. Kehadiran beberapa platform dan saluran seperti yang dibentangkan oleh YouTube, telah ubah itu juga. Kehadiran YouTube sebagai saluran, tidak hanya digunakan sebagai hiburan sahaja. Malah YouTube banyak bermula digunakan sebagai alat komunikasi dakwah dan media pembelajaran.

Walaubagaimanapun, di Malaysia, media sosial seperti Youtube sebagai bahan rujukan dan pembelajaran agama oleh masyarakat dilihat telah mula menjadi isu yang hangat dibincangkan umum ketika ini. Hal ini kerana, dalam proses mendapatkan ilmu berkaitan agama Islam, secara tradisinya individu perlu menghadiri majlis pengajian samada secara formal ataupun tidak formal. Pengajian tidak formal yang bersifat tradisional biasanya dijalankan di masjid, surau dan pelbagai ceramah umum yang dianjurkan. Manakala pengajian formal pula seperti pengajian di sekolah pondok, sekolah agama, kolej atau universiti yang mempunyai silibus yang lebih tersusun (Umar Halim & Samsudin A. Rahim. 2010. *Penglibatan Digital: Akses dan Penggunaan E-Agama dalam Kalangan Generasi Muda Muslim*. Jurnal Komunikasi Jilid 27 (2): 121 - 135. UKM. Namun, kewujudan Youtube kini dilihat membawa perubahan besar dalam aspek proses mendapatkan ilmu agama Islam, yang mana maklumat boleh diperolehi hanya menggunakan hujung jari sahaja. Dalam situasi ini, individu itu sendiri yang memainkan peranan utama terhadap setiap maklumat yang mereka diperolehi.

Menurut Meyerson (2010), untuk setiap minit sebanyak 72 jam durasi daripada pelbagai jenis video telah dimuat naik ke YouTube oleh pengguna. Video yang dimuat naik tersebut meliputi video berkaitan dengan hiburan, pendidikan, perubatan dan agama. YouTube boleh diakses secara offline oleh pengguna telefon pintar dalam tempoh 48 jam selepas disimpan dalam mode offline ketika berada di kawasan Internet berkelajuan tinggi membolehkan ia lebih mudah diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa memerlukan kepada capaian Internet (Berita Harian, 2016). Hal ini memudahkan pengguna untuk melayari YouTube bagi tujuan mendapatkan maklumat yang diingini di mana sahaja mereka berada.

## **2.0 Kajian Lepas**

Tujuan kajian lepas ini untuk mengkaji tentang keberkesanan platform youtube sebagai medium penyampaian dakwah dalam kalangan masyarakat Islam pada era kini. Berdasarkan

tajuk tersebut, kepentingannya ialah untuk memastikan masyarakat muslim dapat mengambil peluang dalam menggunakan platform youtube bagi tujuan menyampaikan dakwah dan menyampaikan perkara-perkara kebaikan.

## **2.1 Keberkesanan Media Sosial Dalam Penyampaian Dakwah**

Kajian oleh Rauf, A., Ridzuan & Suyurno, S. & Kamal, R. & Jafri, F. & Imma, D., Abd Latif, & Nurshahidah, S., Sah Alam (2015) dalam usaha untuk menyebarkan mesej, seseorang itu perlu bergantung kepada medium tertentu dari masa ke masa. Seperti yang dinyatakan oleh Naveed Shamem (2015), dakwah adalah satu proses yang berterusan yang tidak pernah berhenti sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW. Kini, media sosial telah menjadi alat yang paling berkesan untuk menyampaikan mesej (dakwah) kerana hampir setiap rumah kini mempunyai akses internet. Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Rangka kerja penyelidikan telah dibina untuk melihat proses penyelidikan secara keseluruhan. Kajian ini juga akan berlandaskan oleh "Uses & Gratification Theory" dan juga "Cultivation Theory". kajian ini akan menentukan sama ada rangkaian sosial berkesan dalam membantu proses dakwah atau sebaliknya. Kajian tidak terhadkan lokasi tertumpu bagi mendapatkan hasil kajian.

## **2.2 Peranan Youtube Sebagai Maklumat Keagamaan**

Dalam Islam, seperti yang diketahui bahawa Islam itu tidak menumpukan atau menghadkan kepada satu media sahaja dalam berkongsi dan penerimaan pelbagai maklumat berkaitan agama Islam. Dalam konteks ini juga tiada larangan dalam penggunaan youtube sebagai platform yang dijadikan sumber maklumat agama kepada orang awam malah Islam juga turut menggalakkan masyarakat untuk memanfaatkan segala bentuk teknologi yang ada selagi mana ianya tidak bertentangan dengan al-Quran dan Hadis (Ruzain, 2011; Ahmad Zaini, 2014), bagi memantapkan lagi pegangan dan kepercayaan terhadap agama (Mohd Sobhi Ishak, Norizah Aripin dan Mohd Nizho Abdul Rahman, 2016). Sehubungan dengan itu, dalam era teknologi moden kini, para pendakwah khususnya, haruslah bijak dalam memilih dan mengaplikasikan kaedah yang sesuai terutama dalam menarik minat masyarakat semasa serta mengikut kesesuaian zaman.

## **2.3 Manfaat Daripada Youtube**

Laman sosial juga dikenali sebagai laman yang terdapat pelbagai hiburan. Kajian ini telah dibuktikan oleh (Fatty Faiqah, Muh. Nadjib & Andi Subhan Amir, 2016), dimana Youtube merupakan alat Sarana Komunikasi Bagi Komunitas MAkassarvidgram: Pemanfaatan Youtube. Dalam kajian ini, responden menjadikan Youtube sebagai sumber untuk mencari maklumat yang bermanfaat yang terkini dan bersifat hiburan. Secara lazimnya, responden menggunakan Youtube dalam mencari yang sedang viral di dunia maya atau memantau artis-artis yang menjadi kegemaran mereka. Kajian yang telah diperolehi oleh Aritas Puica Sianipar (2010), berkenaan Pemanfaatan Youtube di Kalangan Mahasiswa (Studi Penggunaan Youtube di Kalangan Mahasiswa Ilmu Komunikasi FISIP USE Medan dengan Pendekatan Uses and Gratification), turut menunjukkan bahawa hiburan merupakan salah satu faktor utama mereka menggunakan Youtube. Hal ini dimana, responden melayari Youtube dan mengakses lagu - lagu atau video tarian, sebagai cara untuk menghiburkan diri daripada permasalahan hidup yang dihadapi.

## **2.4 Kaedah Yang Dikongsi Dalam Penyampaian Di Youtube**

(Ab rahman & Adam, 2015) YouTube dilihat sebagai medium yang boleh menarik minat generasi Y kerana sifatnya yang menggabungkan elemen audio dan visual kaedah yang dilihat lebih inovatif dan kreatif dalam proses pembelajaran agama. YouTube dikenali sebagai laman perkongsian video untuk memuat naik, menonton dan berkongsi klip video. Kredibiliti sumber maklumat sangat penting dalam memastikan maklumat yang disebarkan memenuhi objektif dan diterima sebagai sumber yang boleh dipercayai. Kaedah kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan digunakan dalam kajian ini. Hasil penyelidikan diharapkan dapat dijadikan manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat umum dalam membuat penilaian terhadap sesuatu maklumat dalam media atas talian.

## **2.5 Kesan Atau Kebaikan Dakwah Dalam Media Sosial**

(Iqmar Omar, 2015) kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara media sosial dan penyebaran mesej dakwah dalam kalangan mahasiswa/i di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti implikasi penyebaran mesej dakwah serta memfokuskan perbincangan berkaitan penerimgunaan mesej-mesej dakwah di rangkaian media sosial terhadap mahasiswa/i dengan berasaskan pendekatan teori Technology Acceptance Model (TAM). Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan kaedah kuantitatif iaitu borangkaji selidik dan memperoleh hasil dapatan kajian daripada responden yang terdiri daripada pelajar jurusan Asasi, Komunikasi dan pelajar jurusan Al-Quran dan As-Sunnah dengan Komunikasi di KUIS. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dan penyebaran dakwah Islamiah dalam kalangan mahasiswa, impak yang positif diterima oleh mahasiswa melalui penggunaan media sosial serta pengaruh dan manfaat yang positif terhadap penyebaran dakwah dalam kalangan mahasiswa.

## **2.6 Perspektif Orang Awam Terhadap Youtube**

Jelas disini bahawa Youtube sememangnya memiliki banyak manfaat dimana sangat penting untuk dijadikan sebagai sarana penyebaran pelbagai bentuk informasi. Namun begitu, secara tidak langsung membuka mata orang awam bahawa dalam aplikasi Youtube boleh menyebarluaskan lagi berkaitan agama Islam kepada masyarakat di dunia ini khususnya dalam bidang agama. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian di Malaysia, tinjauan masih belum banyak dilakukan terhadap maklumat yang berkaitan agama Islam dari atas talian termasuklah Youtube sama ada dari persektif pengguna dan sebagainya (Umar Halim & Samsudin A. Rahim, 2010). Justeru itu, hal ini menjadi keperluan kepada pengkaji bahawa penyelidikan berkenaan Youtube dan maklumat berkaitan agama Islam.

## **3.0 Metodologi Kajian**

Perkara-perkara utama yang akan dibincangkan dlm kajian ini melibatkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif seperti jurnal dan kuantitatif seperti soal selidik.

Kajian yang dijalankan ini melibatkan kaedah berbentuk perspektif bagi mengenalpasti keberkesanan aplikasi YouTube terhadap pengajian agama dalam kalangan pelajar fakulti Quran dan Sunnah USIM.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai kaedah kajian kerana dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga kos dalam mendapatkan dapatan kajian. Kesemua dapatan kajian yang dikumpul akan diteliti secara kuantitatif dan soal selidik yang diajukan mengandungi soalan-soalan jenis tertumpu pada topik ini dan akan dijawab oleh semua responden yang terlibat.

Selain itu, kaedah kajian literatur juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai fakta yang berkaitan dengan topik kajian ini seperti jurnal dan artikel sebagai sumber rujukan.

#### **4.0 Permasalahan Kajian**

Penggunaan aplikasi youtube sudah menjadi satu elemen & tempat rujukan utama bagi setiap mereka yang bergelar pelajar dalam pencarian maklumat. Metode ini dipilih oleh mereka kerana dengan cara ini mereka lebih senang faham terutama pencarian maklumat mereka. Tetapi, terdapat sebahagian pelajar yang menggunakan Youtube sebagai tempat hiburan mereka demi kepuasan diri masing-masing. Perkara ini sangat sukar diatasi jika seseorang itu tidak dapat mengawal & menahan seseorang dari terus melihat perkara-perkara yang tidak bermanfaat seperti hiburan semata-mata. Untuk mereka yang tahu apa itu baik & buruk untuk mereka, mereka seharusnya lebih bijak dalam menggunakan aplikasi Youtube tersebut. Jadi untuk mengenal pasti masalah ini, pengkaji ingin melihat tahap keberkesanan aplikasi youtube terhadap pengajian agama dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS).

Terdapat beberapa kajian lepas seperti dapatan kajian oleh Norizah Aripin, Awan Ismail, Mohd Sobhi Ishak & Nik Adzrieman Abd Rahman (2016) mendapati bahawa dengan kehadiran “YouTube” hari ini memberikan ruang generasi muda Islam mencari maklumat agama dalam “YouTube”. Pencarian maklumat ini memberi persepsi kepercayaan yang berlainan kepada generasi muda ini terutama kelahiran maklumat ‘Ustaz YouTube’ yang menyampaikan maklumat agama yang tidak pasti kesahihan maklumat tersebut. Jadi, dari segi kepercayaan “YouTube” sebagai sumber maklumat agama, rata-rata informan setiap sesi kumpulan fokus menyatakan bahawa rujukan guru agama yang mempunyai pendidikan agama, kredibiliti penceramah agama menyampaikan mesej agama dan penyelidikan atau kajian mendalam kandungan maklumat tersebut adalah asas penting untuk memastikan kesahihan maklumat agama di “YouTube”.

Selain itu, dapatan kajian lepas yang lain pula dari Siti Rokiah Ab Rahman & Fadzli Adam (2015) mendapati bahawa Kredibiliti Youtube Sebagai Medium Pembelajaran Agama Dalam Peradaban Islam Kontemporari. Dalam kajian mereka, mereka menjelaskan betapa pentingnya Youtube ini dalam pembelajaran agama. Ini kerana, YouTube dapat dilihat sebagai medium yang boleh menarik minat generasi Y kerana sifatnya yang menggabungkan elemen audio dan visual kaedah yang dilihat lebih inovatif dan kreatif dalam proses pembelajaran agama. YouTube dikenali sebagai laman perkongsian video untuk memuat naik, menonton dan berkongsi klip video. Kredibiliti sumber maklumat sangat penting dalam memastikan maklumat yang disebarkan memenuhi objektif dan diterima sebagai sumber yang boleh dipercayai. Sumber asas bagi agama Islam ialah al-Quran dan hadis. Namun, limpahan maklumat yang terdapat dalam laman YouTube telah menimbulkan isu kredibiliti kandungan maklumat yang diterima oleh pengguna. Hasil penyelidikan diharapkan dapat dijadikan manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat umum dalam membuat penilaian terhadap sesuatu maklumat dalam media atas talian.

Tambahan pula, kajian lepas oleh Intan Kurnia Ahmad (2020) didapati bahawa pengkaji memfokuskan tentang Penerimaan Youtube Sebagai Sumber Maklumat Agama Islam dalam Kalangan Masyarakat Di Kampung Ulu Putatan, Sabah: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (TAM) Dan Teori Kredibiliti. Disini pengkaji ingin melihat tahap penerimaan aplikasi Youtube dalam masyarakat sejagat. Namun, ruang lingkup penggunaan Youtube yang terbuka menyebabkan berlakunya kebanjiran maklumat agama Islam. Limpahan maklumat tersebut secara tidak langsung telah menimbulkan isu kredibiliti kandungan

maklumat yang diterima oleh pengguna. Namun, dari perspektif model yang digunakan dilihat tidak mendalam dan kurang memfokuskan terhadap faktor penerimaan terhadap kandungannya. Ini kerana, adalah amat penting satu pemahaman dibina untuk mengetahui bagaimana kredibiliti maklumat agama Islam dari Youtube ditentukan. Justeru, wujudnya keperluan untuk membuat penelitian bagi mengetahui faktor kepercayaan terhadap maklumat agama Islam dari Youtube yang mendorong kepada penerimaan Youtube sebagai sumber maklumat agama Islam. Penerimaan adalah sesuatu yang perlu dikaji untuk menjangkakan implikasi yang mungkin wujud dalam kehidupan.


## 5.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Ketika dapatan kajian yang dijalankan, bahagian ini akan membincangkan secara keseluruhan analisa data yang memaparkan hasil penemuan kajian daripada borang soal selidik yang telah diisi oleh responden. Data yang telah dimasukkan diproses bagi mendapatkan statistik seperti nilai peratusan dan min purata.

### 5.1 Demografi Responden

#### 5.1.1 Jantina


Dalam mengkaji persepsi pelajar FPQS berkaitan tugas ini maka seramai 70 orang pelajar telah disoal selidik. Bagi latar belakang responden telah melibatkan jantina, umur dan kursus pengajian yang ditunjukkan dalam rajah yang berikut.



Rajah 1 : Jantina

Dapatan kajian menunjukkan daripada 70 orang responden, seramai 38 orang (54.3%) yang terdiri daripada lelaki manakala bakinya seramai 32 orang (45.7%) yang terdiri daripada perempuan. Tidak terdapat perbezaan yang ketara antara lelaki dan perempuan dalam pemilihan jantina responden. Jantina yang dipilih seimbang agar jawapan yang diperolehi tidak berpihak kepada satu gender sahaja.


#### 5.1.2 Umur



Rajah 2 : Umur

Berdasarkan hasil kajian, daripada 70 orang responden yang disoal selidik, seramai 53 orang (75.7%) adalah terdiri daripada responden yang berumur 21 hingga 23 tahun. Manakala responden yang berumur 24 hingga 26 tahun seramai 12 orang (17.1%). Seterusnya responden yang berumur 18 hingga 20 tahun seramai 5 orang responden dan tiada responden yang berumur 27 tahun ke atas. Responden yang berbeza usia akan memiliki pandangan dan cara yang berbeza.

### 5.1.3 Kursus Pengajian




Rajah 3 : Kursus Pengajian

Dapatan kajian menunjukkan seramai 50 orang (71.4%) responden dari kursus Pengajian Quran dan Sunnah. Manakala responden dari kursus pengajian Quran dan Multimedia seramai 8 orang (11.4%). Selebihnya responden yang terdiri daripada kursus Pengajian Sunnah dan Pengurusan dan juga kursus Pengajian Qiraat masing-masing seramai 6 orang (8.6%) seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3. Kebanyakan terdiri daripada kursus Pengajian Quran dan Sunnah kerana mereka ini daripada kursus yang sama dengan pengkaji untuk sama-sama saling membantu.

## 5.2 Analisa Terhadap Keberkesanan Penggunaan Youtube Sebagai Medium Penyebaran Maklumat Keagamaan Kepada Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah.

Pada bahagian ini responden telah diutarakan 8 soalan yang berkait dengan maklumat keagamaan dalam Youtube. Setiap soalan telah disediakan jawapan dan responden perlu pilih mengikut pandangan atau cara masing-masing.


### 5.2.1 Penggunaan Youtube Sebagai Aplikasi Mencari Maklumat Agama



Rajah 4 : Penggunaan Youtube Sebagai Aplikasi Mencari Maklumat Agama

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan Youtube sebagai aplikasi mencari maklumat agama yang ditunjukkan pada rajah 4. Seramai 65 orang (92.9%) responden bersetuju dengan soalan yang diberikan manakala selebihnya seramai 5 orang (7.1%) responden berkemungkinan bersetuju dengan soalan yang diutarakan oleh pengkaji. Namun begitu, majoriti responden menjadikan Youtube sebagai salah satu medium dalam mencari maklumat agam.


### 5.2.2 Konten Agama Yang Anda Cari Di Youtube Memudahkan Pemahaman Anda Berkaitan Islam



Rajah 5 : Konten Agama Yang Anda Cari Di Youtube Memudahkan Pemahaman Anda Berkaitan Islam

Berdasarkan hasil kajian tentang konten agama yang dicari di Youtube oleh responden yang mana dapat memudahkan pemahaman kepada mereka berkaitan Islam. Seramai 59 orang (84.3%) responden bersetuju dengan soalan yang diberikan oleh pengkaji. Manakala seramai 10 orang (14.3%) responden berkemungkinan setuju dengan soalan yang diajukan dan hanya seorang (1.4%) responden tidak setuju. Disini menunjukkan ramai dalam kalangan responden lebih memahami berkaitan agama Islam dalam Youtube.


### 5.2.3 Maklumat Agama Boleh Dipercayai 100% Dalam Youtube



Rajah 6 : Maklumat Agama Boleh Dipercayai 100% Dalam Youtube

Dalam rajah 6 menunjukkan hasil kajian berkaitan maklumat agama boleh dipercayai 100% dalam Youtube. Majoriti responden berkemungkinan bersetuju iaitu seramai 31 orang (44.3%) responden. Manakala seramai 26 orang (37.1%) responden tidak bersetuju dan seramai 13 orang (18.6%) responden bersetuju. Sudah semestinya mereka yang lebih arif dalam bidang agama akan menyelidik terlebih dahulu untuk memastikan sesuatu maklumat itu adalah benar tambah-tambah lagi dalam bidang agama.


### 5.2.4 Aplikasi Youtube Dapat Meningkatkan Tahap Peribadi Dan Sahsiah Dalam Diri Seseorang Muslim



Rajah 7 : Aplikasi Youtube Dapat Meningkatkan Tahap Peribadi Dan Sahsiah Dalam Diri Seseorang Muslim

Dapatan kajian menunjukkan aplikasi Youtube dapat meningkatkan tahap peribadi dan sahsiah dalam diri seseorang Muslim. Seramai 43 orang (61.4%) responden bersetuju bahawa Youtube boleh meningkatkan tahap peribadi dalam diri seseorang Muslim. Seramai 24 orang (34.3%) responden berkemungkinan bersetuju dengan kenyataan itu dan selebihnya iaitu seramai 3 orang (4.3%) responden tidak bersetuju. Namun begitu, pilihan yang dipilih oleh responden merupakan cara yang dialami oleh mereka sendiri.


### 5.2.5 Bentuk Konten Agama Yang Sering Ditonton Dalam Youtube



Rajah 8 : Bentuk Konten Agama Yang Sering Ditonton Dalam Youtube

Dalam hasil kajian ini, inilah bentuk konten agama yang sering ditonton dalam Youtube oleh responden. Seramai 43 orang (61.4%) responden menonton ceramah pendek dalam Youtube dituruti seramai 16 orang (22.9%) responden melihat isu semasa dan QnA berkaitan Islam. Seterusnya, seramai 3 orang (4.3%) responden menonton filem pendek yang juga terselit maklumat agama di dalamnya. Namun begitu, forum agama juga menjadi tontonan kepada responden untuk menambahkan ilmu agama iaitu seramai 7 orang (10%) responden dan akhir sekali daripada esport iaitu seorang (1.4%). Pelbagai konten agama yang dilihat oleh responden untuk mendapatkan sumber agama dengan mudah.


### 5.2.6 Waktu Yang Sesuai Untuk Menonton Aplikasi Youtube



Rajah 9 : Waktu Yang Sesuai Untuk Menonton Aplikasi Youtube

Berdasarkan hasil kajian, waktu yang sesuai untuk menonton aplikasi Youtube berbeza oleh setiap responden. Seramai 47 orang (67.1%) responden memilih pada waktu lapang untuk menonton aplikasi Youtube. Waktu yang kedua tertinggi pula adalah bila-bila masa saja mereka mahu iaitu seramai 18 orang (25.7%) responden. Seterusnya adalah pada waktu makan seramai 4 orang (5.7%) responden dan seorang (1.4%) responden menonton pada waktu kerja. Pilihan yang terbaik iaitu pada masa lapang kerana sudah semestinya tidak mengganggu kita melakukan kerja lain.


### 5.2.7 Kekerapan Ketika Menonton Aplikasi Youtube Dalam Sehari



Rajah 10 : Kekerapan Ketika Menonton Aplikasi Youtube Dalam Sehari

Dapatan kajian ini menunjukkan kekerapan responden ketika menonton aplikasi Youtube dalam sehari. Seramai 44 orang (62.9%) responden iaitu 2 hingga 3 kali sahaja mereka menonton dalam sehari. Seterusnya, seramai 15 orang (21.4%) responden menonton dengan kekerapan sebanyak 4 hingga 10 kali dan seramai 11 orang (15.7%) menonton aplikasi Youtube banyak kali dalam sehari. Namun begitu ianya tertumpu kepada matlamat masing-masing untuk mencari sesuatu maklumat ataupun sebagainya.

## 5.2.8 Aplikasi Youtube Sering Menjadi Tempat Rujukan Bagi Setiap Pelajar FPQS



Rajah 11 : Aplikasi Youtube Sering Menjadi Tempat Rujukan Bagi Setiap Pelajar FPQS

Berdasarkan hasil kajian, aplikasi Youtube sering menjadi tempat rujukan bagi setiap pelajar FPQS atas sebab-sebab tertentu. Seramai 14 orang (20%) responden menjadikan aplikasi Youtube sebagai sumber rujukan dalam bidang agama salah satunya kerana mudah diakses dimana-mana sahaja. Selain itu, seramai 12 orang (17.1%) responden lebih mudah faham setiap isi yang disampaikan dalam Youtube. Seterusnya, seramai 9 orang (12.9) responden menggunakan Youtube untuk mencari maklumat keagamaan kerana lebih menarik kerana berupa bentuk Visual dan seramai 35 orang (50%) responden meneri ketiga-tiga sebab diatas. Jelas bahawa Youtube membawa banyak kebaikan kepada responden untuk mencari beberapa maklumat.

## 6.0 Penutup

Islam merupakan agama dakwah yang didalamnya berkonsepkan amar maaruf nahi mungkar yang menyuruh kita semua melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara buruk. Setiap orang Muslim wajib menyampaikan ajaran agama walaupun sepotong ayat sekalipun. Namun begitu, bukan semua yang mampu untuk melakukannya. Walaubagaimanapun sifat-sifat esensial berkaitan dengan maklumat Islam yang wujud pada media sosial khususnya dalam Youtube menyebabkan remaja Islam menempuhi banyak cabaran kerana kebanyakan dilihat akan mengorbankan prinsip dan tradisi maklumat. Justeru itu, sebagai seorang Muslim yang berwibawa dan bijaksana mestilah membuat penilaian terlebih dahulu terhadap maklumat yang diterima sama ada merujuk al-Quran ataupun orang yang lebih alim dalam bidang agama.

## 7.0 Rujukan

- Shamsul Baharin, S. A., & Amran, N. N. (2021). Kepelbagaian Medium Penyampaian Dakwah Abdul Hadi Awang Semasa Pandemik. *Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah UKM Bangi, Selangor, Malaysia*. <https://doi.org/http://journalarticle.ukm.my/17968/1/172-334-1-SM.pdf>
- Omar, F. I. (2015). Penerimaan Media Sosial sebagai Medium Dakwah dalam Kalangan Mahasiswa KUIS: Social Media Acceptance as Medium of Dakwah Among KUIS Students. *Journal of Management and Muamalah*, 5(2), 31 - 42. Retrieved from <http://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/84>
- Mutmainna, N., Amran, N. N., & Tajibu, K. (2021). KOTRIBUSI YOUTUBE TERHADAP AKTVITAS DAKWAH DIMASA PANDEMIC COVID 19. *Jurnal Mercusuar*,

- Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin Makassar.*  
<https://doi.org/https://journal3.uin-alauddin.ac.id/index.php/mercusuar/article/view/21976>
- Omar, N., Abdul Hamid, Z., Abu Talib, Z., & Ismail, S. (2019). KREDIBILITI DAN DAYA TARIKAN DAIE DALAM MENINGKATKAN KESEDARAN AKHLAK PELAJAR: YOUTUBE SEBAGAI SATU MEDIUM. *Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.*  
<https://doi.org/https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/238/157>
- Sinar Online. (29 Disember 2015). 'Ustaz YouTube' dipantau dengan kerjasama jabatan agama. Diakses pada 29 April 2016 daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ustazyoutube-dipantau-dengan-kerjasama-jabatan-agama-1.466776>
- Hassan Abu Bakar. (2008). Komunikasi kepenyeliaan sebagai penentu kepada jalinan hubungan ketua-subordinat dan komitmen terhadap kumpulan kerja: Pendekatan kelompok fokus. Dalam Che Su Mustaffa, Hassan Abu Bakar & Bahtiar Mohamad (Eds.), *Isu-isu komunikasi di Malaysia: Aplikasi penelitian empiri* (hlm. 319-348). Petaling Jaya: Prentice-Hall
- Rauf, A., Ridzuan, Suyurno, S., Kamal, R., Jafri, F., Imma, D., Abd Latif, & Nurshahidah, S., Sah Alam (2015). KEBERKESANAN DAKWAH MELALUI LAMAN JARINGAN SOSIAL DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT ISLAM. *1st International Islamic Heritage Conference.*  
[https://doi.org/https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16670/1/PRO\\_A.RAUF%20RIDZUAN%20M%2015.pdf](https://doi.org/https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16670/1/PRO_A.RAUF%20RIDZUAN%20M%2015.pdf)
- Syah, A. M., (2019). Pengaruh Dakwah Media Sosial Youtube terhadap Religiusitas Remaja di MA. *Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam.*  
<https://doi.org/https://ejournal.insud.ac.id/index.php/kpi/article/view/121/107>
- Cahyono, G., (2019). YOUTUBE: SENI KOMUNIKASI DAKWAH DAN MEDIA PEMBELAJARAN. *IAIN Salatiga.*  
<https://doi.org/https://pdfs.semanticscholar.org/e695/33b91d22b4d52e80c199b3287787232db2bc.pdf>
- Ahmad, I. K., & Karim, H. (2020). PENERIMAAN YOUTUBE SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI KAMPUNG ULU PUTATAN, SABAH: PENGAPLIKASIAN MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI (TAM) DAN TEORI KREDIBILITI. *Journal of Borneo Social Transformation Studies.*  
[https://doi.org/file:///C:/Users/ikhwa/Downloads/sand\\_jk,+PENERIMAAN+YOUTUBE+SEBAGAI+SUMBER+MAKLUMAT+AGAMA+ISLAM+DALAM+KALANGAN+MASYARAKAT+DI+KAMPUNG+ULU+PUTATAN,+SABAH+PENGAPLIKASI.pdf](https://doi.org/file:///C:/Users/ikhwa/Downloads/sand_jk,+PENERIMAAN+YOUTUBE+SEBAGAI+SUMBER+MAKLUMAT+AGAMA+ISLAM+DALAM+KALANGAN+MASYARAKAT+DI+KAMPUNG+ULU+PUTATAN,+SABAH+PENGAPLIKASI.pdf)
- Makna A'raaf K\*, Prihantoro, N. P., Sifa Larasati, M. Fais Noor M, Hisny Fajrussalam (2021). PENGGUNAAN APLIKASI YOUTUBE SEBAGAI MEDIA DAKWAH DI ERA PANDEMI COVID-19. *Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama.*  
<https://doi.org/https://media.neliti.com/media/publications/359535-penggunaan-aplikasi-youtube-sebagai-medi-f22f69e3.pdf>
- Sikumbang, A. T., , & Siahaan, R. F. U. (2020). YOUTUBE AS A DA'WAH MEDIA. *Jurnal Al-Bayan: Media Kajian dan Pengembangan Ilmu Dakwah.*  
<https://doi.org/https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/bayan/article/view/5792/5216>

- Dhela, G. R., (2020). PEMANFAATAN CHANNEL YOUTUBE SEBAGAI MEDIA DAKWAH ISLAM. *Komunikasi dan Penyiaran Islam*. <https://doi.org/http://repository.radenintan.ac.id/12862/1/PERPUS%20PUSAT.pdf>
- Ab Rahman, S. R., & Adam, F. (2015). KREDIBILITI YOUTUBE SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN AGAMA DALAM PERADABAN ISLAM KONTEMPORARI. *Proceedings of ICIC2015*. [https://doi.org/https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69 - Siti Rokiah Ab Rahman.pdf](https://doi.org/https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69-SitiRokiahAbRahman.pdf)
- Siti Rokiah Abdul Rahman & Fadzli Adam. (2015a). Kredibiliti YouTube sebagai medium pembelajaran agama dalam peradaban Islam kontemporari. Diakses pada 13 Februari 2016 daripada [https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69 - Siti Rokiah Ab Rahman.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69-SitiRokiahAbRahman.pdf)
- Shamsul Baharin, S. A., & Amran, N. N. (2021). Kepelbagaian Medium Penyampaian Dakwah Abdul Hadi Awang Semasa Pandemik. *Jurnal al-Turath*. <https://doi.org/http://journalarticle.ukm.my/17968/1/172-334-1-SM.pdf>
- Abd Hadi bin Borhan & Zulkiple bin Abd Ghani. (2015). Pola Pendedahan Internet dan Impaknya Terhadap Kefahaman Islam di Kalangan Ahli Akademik di UKM dan USIM. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication*. Jilid 31(2); 405 - 421.
- Fadzli Adam & Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar & Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. (2015). Cabaran Media Baru Sebagai Medium pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Persepektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Volume 9(9), 101 - 139.